

**Najib puji e-paper Utusan Malaysia
Utusan Online
01 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Langkah proaktif Utusan Malaysia memperkenalkan akhbar digital (e-paper) sebagai salah satu produk baru mendapat pujian daripada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, pendekatan yang diambil *Utusan Malaysia* itu merupakan langkah tepat kerana pembaca sekarang banyak menggunakan gajet sebagai medium untuk mendapat akses kepada informasi.

"Saya kagum dengan langkah *Utusan Malaysia*. Ia satu usaha bagus serta wajar dipuji kerana kelebihan *e-paper* ia lebih interaktif dan mudah untuk diakses sesuai dengan perkembangan semasa dunia teknologi.

"Saya percaya usaha sebegini membolehkan Utusan menyampaikan dasar kerajaan secara lebih baik kepada rakyat," katanya semasa melancarkan *e-paper* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Nasir Ali dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Perdana Menteri diberi taklimat mengenai *e-paper* oleh Pengarang Kanan Media Baru, Gamal Nasir Mohd. Ali.

E-paper yang ditawarkan Utusan menampilkan lima nilai tambah iaitu multimedia interaktif, galeri foto dan video, carian pantas, capaian keluaran lepas serta sokongan pelbagai platform dengan harga langganan serendah RM20 sebulan.

Ia merupakan pakej harga langganan *e-paper* termurah di pasaran dengan pelanggan boleh melayari akses berita melalui web, android serta iPad.

Sempena majlis pelancaran itu, Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat pameran Kumpulan Utusan mengenai liputan perjuangan UMNO dan pemimpin negara bermula pemerintahan Tunku Abdul Rahman sehingga sekarang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121201/dn_02/Najib-puji-e-paper-Utusan-Malaysia